



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 MAC 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	81 GUNI BERAS SUPER IMPORT DISELUDUP DARI INDIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LEMBU SELUDUP DARI THAILAND BERNILAI RM78,000 DIRAMPAS, TUMPAT, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	283 PREMIS BERAS IMPORT DIPERIKSA DALAM OPS CAMPUR, NASIONAL, SH -8	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	BEKALAN KELAPA, SANTAN KEMBALI STABIL, LOKAL, HM -17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	'TEKAD DEMI PENDAPATAN STABIL', LOKAL, HM -5	LAIN-LAIN
6.	CHE NAI & KOPI, LOKAL, HM -7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

81 guni beras super import diseludup dari India dirampas

Johor Bahru: Polis Johor merampas 81 guni beras super import yang diseludup dari India, dalam operasi khas di kawasan perindustrian Kota Puteri, Masai.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat, berkata operasi hasil maklumat awam bermula jam 12 tengah hari hingga 2.30 petang kelmarin itu membabitkan sepasukan polis dari Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor bersama pegawai Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Johor.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan berkenaan gagal mematuhi syarat di bawah Peraturan 9(4), P.U (A) 624/96 Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) kerana menyeludup beras super import dari India.

"Sebanyak 68 guni beras super import seberat 25 kilogram (kg) setiap satu dan 13 guni beras super import seberat 50kg dirampas dianggar bernilai RM19,975.

"Seorang lelaki warga India berusia 48 tahun



Polis memeriksa 81 guni beras yang dirampas di kawasan perindustrian Kota Puteri, Masai. (Foto ihsan Polis JBS)

yang bertindak sebagai penjaga premis diperiksa sebelum dibebaskan selepas keterangannya diambil," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Cubaan seludup gagal

Sementara itu dalam kejadian lain, cubaan menyeludup beras tanpa label gagal apabila polis merampas 70 kampak beras seberat 1,750 kilogram bernilai RM14,875 dalam serbuan di Skudai, kira-kira jam 3.40 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh, berkata rampasan membabitkan 70 kampak beras seberat 25 kilogram setiap satu yang tidak mempunyai label menunjukkan gred dan harga.

"Rampasan dianggar bernilai RM14,875. Semua rampasan ini diserahkan kepada pihak Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Johor untuk siasatan lanjut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2025	SINAR HARIAN	TUMPAT	28

Lembu seludup dari Thailand bernilai RM78,000 dirampas

TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya merampas lembu bernilai RM78,000 yang diseludup masuk dari Thailand untuk stok Ramadan selepas menahan sebuah lori di Kampung Banggol Beta di sini pada Khamis.

Penahanan lori yang membawa muatan lembu itu dilakukan jam 2.50 pagi semasa penugasan Op Taring Kandang dan turut menahan seorang pemandu berusia 21 tahun bagi membantu siasatan.

Komander Briged Tenggara,

Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan telah menemukan sebanyak lapan ekor lembu yang disyaki dibawa masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan.

"Kes disiasat bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan hasil rampasan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada pemberita pada Khamis.



Antara lembu yang dirampas semasa Op Taring Kandang di Kampung Banggol Beta, Tumpat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

283 premis beras import diperiksa dalam Ops Campur

KUALA LUMPUR - Sebanyak 283 premis pembungkus dan pengilang beras import diperiksa dalam Ops Campur setakat Rabu, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr Fuziah Salleh.

Beliau berkata, pemeriksaan itu turut membawa kepada 99 kes sitaan sampel beras untuk tindakan lanjut dengan nilai sitaan berjumlah RM29,374.90.

"Sampel yang disita ini akan menjalani ujian kualiti yang dikemukakan kepada Jabatan Kimia Malaysia dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Tindakan penguatkuasaan di bawah Ops Campur tertumpu kepada pengilang dan pembungkus beras import, selaras dengan perundangan Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730)," katanya ketika sesi penggulungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara pada Khamis.

Ops Campur memberi tumpuan kepada perundangan di bawah Akta 730, termasuk tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mengeluarkan maklumat palsu mengenai kandungan, jenis atau nama beras import, seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 5 Akta 730.

Dalam perkembangan lain, Fuziah menjelaskan kementerian akan menambah baik Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) tahun ini susulan kebimbangan mengenai penyalahgunaan minyak masak bersubsidi oleh bukan warganegara.

"ECOSS akan diperluaskan kepada pengguna dengan pelaksanaan perintis pada tahun ini. Hanya warganegara Malaysia yang layak membeli minyak masak bersubsidi," jelasnya.

Menurutnya, sistem ECOSS sebelum ini digunakan untuk menjejak rantai minyak masak dari peringkat kilang penapisan hingga ke peruncit.

"Namun, apabila tiba di peringkat peruncit, rekod masih dicatat dalam buku log, menyukarkan proses penjejakan dan memungkinkan ketirisan berlaku," ujarnya. - Bernama

14/3/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

17



TING Han (tiga dari kanan) ketika meninjau peniaga Pasar Awam Perling.

Bekalan kelapa, santan kembali stabil

Johor Bahru: Bekalan kelapa terutama santan di negeri ini kembali stabil selepas mengalami kekurangan ketara sejak hujung tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia negeri Lee Ting Han berkata, harga kelapa terutama santan diakui masih tinggi di pasaran berbanding sebelum ini.

Menurutnya, usaha berterusan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara-sara, Hidup (KPDN) serta agensi lain berjaya memastikan bekalan mencukupi dan diharapkan terus konsisten sehingga Aidilfitri.

"Bekalan (kelapa) setakat ini sudah mulai stabil (di Johor), cuma kita akui harga kelapa terutama santan masih lagi tinggi.

"Jika sebelum ini, purata harga santan antara RM12 hingga RM14 sekilogram, namun kini meningkat kepada RM16 hingga RM17 sekilogram.

"Bagaimanapun, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Jualan Rahmah bagi membantu rakyat mendapatkan kelapa dan santan pada harga lebih rendah.

"Menerusi Jualan Rahmah, kerajaan Pusat beri subsidi dan diskaun 30 peratus. Kita dapat lihat harga santan dijual pada RM12 sekilogram berbanding RM17 sekilogram sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan prog-

ram Jualan Rahmah Madani di Pasar Awam Perling, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo.

Terdahulu, Ting Han dan Lilis Saslinda meninjau Jualan Rahmah Madani yang disertai peniaga Pasar Awam Perling.

Bulan lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dilaporkan mengambil langkah menstabilkan bekalan kelapa domestik dengan mengimport dan mengedarkan 661,761 biji kelapa atau bersamaan 661 me-

trik tan, dalam menangani isu kekurangan bekalan kelapa negara.

Dalam pada itu, Ting Han berkata, langkah menanam bah stok dan meningkatkan bekalan kelapa di negeri ini akan terus diusahakan bagi menstabilkan harga dalam jangka masa panjang.

"Kita akan terus berusaha memastikan bekalan kekal mencukupi dan harga kembali ke paras yang lebih stabil," katanya.

Sementara itu, peniaga santan Yusri Abdul Hamid berkata, peniaga risau harga santan terpaksa dinaikkan lagi susulan bekalan kelapa masih belum pulih sepenuhnya.

Katanya, walaupun bekalan kelapa didakwa mulai stabil, peniaga masih rasa tempias kekurangan bekalan kelapa yang mendapat permintaan tinggi pada Ramadan ini.

"Alhamdulillah, dalam masa dua minggu ini pembekal tidak menaikkan harga kelapa seperti sebelum ini," katanya.

"Kita akui harga kelapa terutama santan masih lagi tinggi"
Ting Han

14/3/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

5

PAK Mok mula terabit dalam penanaman cili pada 2023

'Tekad demi pendapatan stabil'

Kehidupan pesara berubah daripada kutip kotak kepada pengusaha cili hasil bimbingan Nestlé

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Pengorbanan, disiplin, ilmu dan bimbingan daripada orang yang tepat adalah kunci kejayaan dalam apa jua bidang termasuk pertanian.

Inilah yang dibuktikan oleh petani cili, Mokhtar Mat Lani, 63, atau lebih dikenali sebagai Pak Mok.

Kehidupannya berubah sepenuhnya sejak menyertai program pertanian cili di bawah bimbingan Nestlé.

Lebih membanggakan, daripada seorang pesara tanpa pendapatan tetap, beliau kini berjaya mengusahakan ladang cili dengan hasil yang stabil dan berkualiti tinggi.

Mengenang kesukaran yang pernah dilalui, Pak Mok berkata dulu kehidupannya serba kekurangan.

Sebagai pesara tanpa pendapatan, beliau terpaksa mencari kotak di tepi tong sampah untuk menyara keluarga, termasuk isterinya yang juga orang kelainan upaya (OKU).

"Ketika hujan, orang lain duduk di rumah, tapi saya berada di luar mencari kotak di tong sampah yang berbau demi mencari rezeki."

"Jadi, apabila ada peluang, saya tekad untuk menjayakan program ini demi pendapatan yang lebih stabil," katanya.

Pak Mok mula terabit dalam penanaman cili pada 2023 selepas melihat peluang yang ditawarkan menerusi laman sesawang Ke-

menterian Ekonomi.

Tanpa berfikir panjang, Pak Mok menghantar permohonan dan diterima.

"Menerusi program Kelab Cili Nestlé, kami diajar teknik penanaman cili secara teratur, dari penyediaan benih hingga penjagaan hasil tanaman di bawah bimbingan pegawai Nestlé dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langkat."

"Saya tak ada ilmu dalam pertanian, tapi saya yakin jika saya disiplin dan ikut apa yang diajar, Insya-Allah saya boleh berjaya," katanya.

"Dari situ, saya mula menanam cili secara sistematik dan kini mampu mengusahakan ladangnya sendiri," katanya.

Penyertaan dalam Kelab Cili Nestlé juga tidak hanya memberi peluang kepada Pak Mok untuk mempelajari teknik penanaman yang betul tetapi mengubah kehidupannya.

Selain latihan, program ini menyediakan sokongan penuh, termasuk peruntukan daripada Kementerian Ekonomi, kemuda-

han pertanian dan tapak ladang.

"Dengan bimbingan Nestlé dan PPK Kuala Langkat, kami dapat menjalankan penanaman cili secara sistematik dan konsisten."

"Saya bersyukur kerana dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan, hasil tanaman menjadi lebih baik dan pendapatan turut meningkat."

Selain itu, menerusi Kelab Cili Nestlé, kami tidak perlu risau turun naik harga pasaran semasa kerana cili kami dijual pada harga yang stabil," katanya yang kini sudah tiga musim menanam cili.

Bagi Pak Mok, menanam cili secara serius memerlukan pengorbanan besar, termasuk masa bersama keluarga.

Menurutnya, ketika sibuk mengurus kebun, keluarga sedikit terabai, jadi setiap masa terluang dimanfaatkan sepenuhnya untuk mereka.

"Menjaga tanaman cili juga bukan tugas mudah. Pokok perlu dijaga sepanjang hari, dari pagi hingga petang. "Ketika

INFO

• Setiap botol sos Cili MAGGI® dihasilkan menggunakan cili segar yang dibekalkan dari peladang tempatan, menjamin rasa yang autentik dan berkualiti tinggi.

• Kelab Cili Nestlé kini bekerjasama dengan 92 petani tempatan di Kelantan, Terengganu dan Selangor.

cuaca panas, air dan baja perlu dipam secara bergilir-gilir bagi memastikan tanaman mendapat keperluan secukupnya.

"Jika gagal memenuhi keperluan ini, hasil tanaman akan terjejas dan boleh menyebabkan kegagalan keseluruhan projek," katanya.

Katanya lagi, kegagalan bukan sekadar memberi kesan kepada diri sendiri tetapi juga kepada mereka yang banyak membantunya.

"Kerana itu, Pak Mok akan pastikan kejayaan ini sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang membantu saya. Itu azam Pak Mok," katanya.

Nestlé sentiasa menitikberatkan kualiti dalam setiap produk MAGGI® yang dihasilkan.

Justeru, Nestlé menetapkan piawaian tinggi untuk memastikan cili yang dibeli adalah berkualiti.

Bagi mencapai standard ini, aspek pembajaan dan kawalan se-

rangga sangat penting.

"Proses meracun perlu dilakukan dengan teliti. Selain itu, kami juga perlu mematuhi tempoh tujuh hari selepas meracun sebelum boleh memetik cili."

"Dengan penjagaan yang rapi, cili yang dihasilkan bukan sahaja berkualiti tinggi tetapi juga selamat untuk dimakan," katanya.

Berjaya mengubah kehidupan menerusi pertanian, Pak Mok berharap lebih ramai generasi muda mencubai bidang ini.

"Kalau saya yang berusia 63 tahun boleh berjaya, inikan pula golongan muda yang lebih bertenaga."

"Mereka mempunyai peluang yang lebih besar

untuk maju dalam bidang ini. Apa yang penting adalah pengorbanan dari segi masa dan disiplin kerana ia juga adalah kunci dalam kejayaan seseorang petani cili," katanya.

Selain itu, Pak Mok juga menyeru kepada rakyat Malaysia menyokong produk tempatan khususnya hasil petani seperti cili yang digunakan dalam produk Nestlé seperti Sos Cili MAGGI® botol dan dalam pek.

"Produk tempatan yang berkualiti jangan diragui lebih-lebih lagi produk keluaran Nestlé yang tentunya hasil daripada orang kita sendiri."

"Sos Cili MAGGI® yang berkualiti tinggi, hasil daripada cili yang berkualiti, produk petani tempatan," katanya.


Kelab Cili Nestlé kini menjalankan kerjasama bersama lebih 92 petani tempatan di Kelantan, Terengganu dan Selangor.



PAK Mok menunjukkan hasil cili yang segar daripada ladang cili miliknya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2025	HARIAN METRO	LOKAL	7

CHE Nai menanam kopi jenis Robusta di ladang seluas dua hektar dengan 2,600 pokok.



"Apabila NESCAFÉ membuka peluang untuk menyertai program ini, saya tidak teragak-agak untuk menyertainya"

Che Nai

Che Nai & kopi

Pemilik ladang ikuti Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih demi minat terhadap tanaman itu

NESCAFÉ

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Minat dengan tanaman kopi dan yakin industri kopi boleh berkembang maju mendorong Che Nai Hasan, 69, nekad membuka ladang kopi sendiri 15 tahun lalu.

Namun, perjalanannya itu bukan mudah.

Selain perlu menguruskan ladang secara sambilan berikutan tuntutan kerja ketika itu, Che Nai juga berdepan dengan pelbagai cabaran.

Cabaran utamanya juga adalah bagaimana untuk mendapatkan kopi yang berkualiti.

Apabila kualiti kopi yang ditanam rendah, dia secara tidak langsung memberi kesan kepada pendapatan.

Semua itu tidak pernah melunturkan semangatnya, malah dia berusaha sehingga berjaya dan berada di tahap sekarang.

Berkongsi kisahnya, kejayaan yang dikecapi hari ini bermula apabila dia mengambil keputusan untuk mengikuti Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih atau 'NESCAFÉ Grown Respectfully'.

Program ini adalah inisiatif perladangan kopi mampan, untuk memulihkan semula sektor perladangan kopi di Malaysia yang dilancarkan di Kedah pada 2019.

Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih ini menyediakan sokongan kepada peladang di setiap peringkat proses perladangan kopi bagi membangunkan rantai *upstream* kopi.

Ia juga akan membantu peladang menaikkan taraf hidup menerusi program sokongan yang padu untuk latihan dan perkongsian pengetahuan bagi memaksimumkan penggunaan tanah untuk mengusahakan tanaman alternatif dan mengajar amalan pertanian terbaik untuk meningkatkan hasil serta produktiviti.

Penyertaan dalam program itu membawa perubahan besar kepada kehidupan dan ladang Che Nai.

Menurut Che Nai, beliau percaya ilmu, pengurusan tanaman dan bimbingan sangat penting dalam industri ini.

"Buah kopi hasil ladang saya tidak banyak, saiznya kecil, tidak berkualiti dan pendapatan juga tidak memberangsangkan."

Jadi, apabila NESCAFÉ membuka peluang untuk menyertai program ini, saya

tidak teragak-agak untuk menyertainya," katanya yang menanam kopi jenis Robusta di ladang seluas dua hektar dengan 2,600 pokok.

Menerusi program ini, Che Nai dan peladang lain diajar teknik pertanian yang betul dan membantu meningkatkan kualiti serta hasil tanaman mereka.

"Teknik yang diajarkan NESCAFÉ kepada kami sangat tepat dan berkesan."

"Saya juga menerima pelbagai bentuk sokongan termasuk latihan dan bimbingan yang sangat membantu."

"Dulu banyak perkara saya tidak tahu, tetapi dengan sokongan NESCAFÉ, saya kini lebih berpengetahuan dan mahir menguruskan ladang kopi," katanya.

Salah satu hasil kopi ditanam ladang Che Nai adalah Kopi Kedah dari NESCAFÉ. Hasil produk cukup dibanggakan.

Mengulas lanjut, Che Nai berkata keistimewaan kopi yang dihasilkan

lagi-lagi terletak pada proses tuai dan pemilihan yang teliti.

"Setiap biji kopi dipilih dengan sangat berhati-hati berdasarkan warna, aroma, bentuk dan tahap kematangan."

» INFO

• Menerusi program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih, Che Nai dapat mempelajari teknik pertanian yang betul dan ini dapat membantu meningkatkan kualiti serta hasil tanaman.

"Kopi yang tidak mencapai piawaian akan ditolak bagi memastikan hanya yang terbaik dipasarkan."

"Saya bangga kerana hasil tanaman saya menjadi sebahagian daripada produk berkualiti tinggi," katanya.

Ditanya apakah matlamat masa depannya untuk ladang kopi yang sedang diusahakan, Che Nai berkata dia berhasrat untuk memperluaskan lagi ladangnya.

"Dengan meluaskan lagi ladang, selain dapat meningkatkan pengeluaran, saya juga boleh membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat."

"Saya juga berhasrat untuk menghasilkan lebih banyak kopi berkualiti untuk dinikmati rakyat negara ini."

"Menjalini kerjasama dengan NESCAFÉ cukup bermakna buat saya kerana mereka banyak memberi sokongan dan motivasi untuk terus maju dalam bidang ini," katanya.

Menerusi program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih Che Nai dapat mempelajari teknik pertanian yang betul dan ini dapat membantu meningkatkan kualiti serta hasil tanaman.